

ANG LAY HOON
CHE RADIAH MEZAH

Masalah Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di Malaysia

IKHTISAR: Kajian ini merangkumi disiplin psikolinguistik dan sosiolinguistik yang berfokus kepada masalah penggunaan serta penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di sekolah kebangsaan. Berbeza dengan pelajar Melayu, golongan ini berbahasa Cina dan dibesarkan dalam keluarga yang tidak bertutur dengan Bahasa Melayu. Pendedahan mereka kepada Bahasa Melayu biasanya bermula di sekolah. Kajian ini meneliti jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penggunaan Bahasa Melayu dan juga langkah-langkah pemulihan yang diambil. Tinjauan turut dibuat ke atas sebab ibu bapa Cina menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik, temu ramah, dan pemerhatian di sekolah bagi memperolehi maklumat dan data-data yang diperlukan. Seramai 91 orang pelajar dari tiga buah sekolah di negeri Selangor, Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Cina menghadapi masalah dalam aspek pemahaman, pertuturan, dan penulisan. Tahap penguasaan Bahasa Melayu mereka adalah sederhana pada umumnya. Usaha positif seperti menghadiri kelas tuisyen telah diambil oleh kebanyakan pelajar untuk mengurangkan masalah tersebut.

KATA KUNCI: Masalah penggunaan Bahasa Melayu, pelajar etnik Cina, penguasaan bahasa, perpaduan bangsa, dan negara Malaysia.

ABSTRACT: This study incorporates two disciplines, namely psycholinguistics and sociolinguistics. It looks into the usage problem and learning of Malay language among Chinese students in national schools. Unlike Malay students, this group of students speak Chinese language and is brought up in non-Malay speaking families. Their exposure to Malay language starts only at school. This study investigates the types of problem faced in Malay language usage and remedies taken. It also discusses the reasons of parents sending their children to national schools. To obtain data, questionnaires, interview, and observation at schools have been carried out. Respondents in this study are 91 Chinese students from 3 different national schools in Selangor, Malaysia. The result confirms that the Chinese students have problems in understanding, speaking, and writing Malay language. Their language proficiency level is rather average. To uplift their language ability, the positive action taken by majority is by attending tuition classes after school.

KEY WORD: Malay language learning problems, Chinese students, language competence, national unity, and nation-state of Malaysia.

Dr. Ang Lay Hoon dan Dr. Che Radiah Mezah, kedua-dua ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM (Universiti Putra Malaysia), Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, para penulis dapat dihubungi dengan alamat emel: layhoon@fbmk.upm.edu.my dan cradiah@fbmk.upm.edu.my

PENDAHULUAN

Malaysia membenarkan kebebasan pembelajaran dan penggunaan bahasa, termasuklah bahasa ibunda. Seperti etnik yang lain di Malaysia, kebanyakan etnik Cina masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda di rumah dan memilih untuk memasuki sekolah vernakular masing-masing. Mengikut statistik yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, sebanyak 93% pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan terdiri daripada etnik Melayu, dan hanya 7% merupakan etnik bukan Melayu, termasuk etnik Cina (*Sin Chew Jit Poh*, 26/6/2005). Begitu juga sebaliknya di sekolah jenis kebangsaan.¹

Bilangan kecil pelajar Cina di sekolah kebangsaan kurang mendapat perhatian pengkaji. Pengkaji-pengkaji tempatan Cina lebih bertumpu pada perkembangan pendidikan Cina dan isu pendidikan di sekolah jenis kebangsaan Cina di Malaysia (Tan, 1997; dan Mok, 2000). Begitu juga dengan pengkaji-pengkaji luar negara, terutamanya dari negara Cina, Taiwan, dan Jepun (Liao, 1993; Zhou, 2000; Shi, 2002; dan Gu, 2003).

Skop kajian yang popular ialah polisi pendidikan, polisi bahasa, dan kesan kepada pendidikan Cina di Malaysia. Sebilangan pengkaji juga berfokus kepada perbincangan tentang penggunaan bahasa dalam sistem pendidikan di Malaysia (Gaudart, 1985; dan Solomon, 1988). Isu pembelajaran di sekolah, baik di peringkat sekolah ataupun sekolah menengah, secara umum juga selalu menjadi tumpuan ramai pengkaji dalam bidang pendidikan. Pada umumnya, kajian dalam bidang ini berfokus kepada bidang tertentu seperti Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Matematik, Kurikulum dan Pedagogi, Pendidikan Pra-Sekolah, dan sebagainya (<http://akademik.ukm.my>, 11/11/2008). Hasil-hasil kajian tersebut tidak mengkhusus kepada masalah bahasa bagi golongan minoriti di sekolah kebangsaan yang merupakan fokus tinjauan kajian ini.

Kajian ini bertumpu kepada masalah berbahasa yang dihadapi oleh pelajar Cina di sekolah. Pelajar-pelajar itu terpaksa menggunakan Bahasa Melayu yang jarang ditutur oleh mereka di rumah. Dapat dijangka bahawa pelajar-pelajar itu menghadapi masalah bahasa dalam aspek sebutan, pemahaman, dan juga penulisan. Masalah bahasa yang dihadapi oleh kumpulan pelajar Cina tidak harus dipandang enteng atau diabaikan kerana masalah-masalah itu mungkin penghalang utama dalam usaha kerajaan menggalakkan anak-anak etnik Cina memasuki sekolah kebangsaan demi integrasi bangsa.

OBJEKTIF DAN KAEDAH KAJIAN

Terdapat dua objektif yang hendak dicapai melalui kajian ini: (1) Mengenalpasti jenis-jenis masalah bahasa yang dihadapi dalam pembelajaran

¹Dalam kertas ini, "sekolah kebangsaan" merujuk kepada Sekolah Rendah yang didirikan dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran. "Sekolah jenis kebangsaan" pula merujuk kepada Sekolah Rendah yang menerima elaun bantuan daripada kerajaan dan menggunakan Bahasa Cina atau Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar dan dalam pentadbiran dalam sekolah.

dan interaksi dengan kawan sebaya di sekolah; dan (2) Meninjau langkah-langkah pembaikan yang diambil oleh pelajar itu, jika ada.

Terdapat juga dua soalan sampingan yang hendak diteliti: (1) Apakah sebab yang mendorong ibu bapa Cina menghantar anak ke sekolah kebangsaan dan bukan sekolah Cina?; dan (2) Bagaimana dengan penggunaan dan pembelajaran Bahasa Melayu oleh budak Cina di luar sekolah?

Pengumpulan data telah dijalankan di tiga buah sekolah di negeri Selangor, Malaysia, iaitu: (1) Sekolah Kebangsaan Jalan Semenyih 1, Kajang; (2) Sekolah Kebangsaan Taman Jasmin, Kajang; dan (3) Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3, Puchong.

Kawasan Kajang dan Puchong mempunyai taburan penduduk yang rata dan terdiri daripada tiga kaum utama. Bilangan pelajar Cina di sekolah-sekolah kebangsaan tersebut tidak ramai. Umpamanya, Sekolah Kebangsaan Jalan Semenyih 1 mempunyai seramai 388 orang pelajar, tetapi pelajar Cina hanyalah seramai 60 orang, iaitu 15.46%.

Dalam kajian ini, seramai 91 orang pelajar Cina dari darjah 1 hingga darjah 6 di ketiga-tiga buah sekolah tersebut telah menjadi responden. Pecahan bilangan responden mengikut sekolah ditunjukkan dalam jadual 1 seperti berikut.

Jadual 1:
Nama Sekolah dan Bilangan Respoden Pelajar

No	Nama Sekolah yang Dikaji	Bilangan Respoden Cina	%
1	Sekolah Kebangsaan Jalan Semenyih 1	50	55.0
2	Sekolah Kebangsaan Taman Jasmin	30	32.9
3	Sekolah Kebangsaan Puchong Utama 3	11	12.1
Jumlah		91	100.0


Untuk mendapatkan data, tiga kaedah utama telah digunakan, iaitu dengan pemerhatian, temuramah, dan borang soal selidik. Borang soal selidik merupakan instrumen penting untuk mendapatkan maklumat dengan sistematik. Dengan bantuan guru di sekolah-sekolah tersebut, borang selidik diagihkan kepada pelajar setiap darjah untuk diisi oleh ibu bapa dan kemudian dikumpulkan kembali. Temuramah juga dibuat dengan ibu bapa dan guru, terutamanya guru darjah atau guru Bahasa Melayu responden berkenaan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan pemahaman yang lebih menyeluruh. Pemerhatian pula dibuat ke atas pergaulan antara pelajar Cina dengan pelajar Melayu dan India, khususnya pada waktu rehat di sekolah untuk memastikan data dan gambaran yang diperoleh adalah tepat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pertama, Sebab Belajar di Sekolah Kebangsaan. Pelajar Cina di sekolah kebangsaan merupakan golongan yang agak istimewa berbanding dengan pelajar Cina yang lain. Hal ini demikian kerana mereka sanggup memasuki

sekolah kebangsaan yang mempunyai latar persekitaran baharu, baik dari segi bahasa mahupun budaya pada usia yang kecil. Sementara kebanyakan ibu bapa Cina yang lain menghantar anak ke sekolah jenis kebangsaan Cina, ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah kebangsaan yang mempunyai latar sosial yang berlainan daripada alam keluarga memang menunjukkan kesanggupan yang kelihatan luar biasa.

Dari soal selidik, didapati bahawa terdapat 5 sebab utama ibu bapa Cina memilih sekolah kebangsaan untuk anak mereka. Dari carta 1 di bawah adalah jelas bahawa pendorong yang paling utama ialah kesedaran ibu bapa tentang kepentingan Bahasa Melayu. Sebanyak 36.84% daripada ibu bapa mengaku akan kepentingan Bahasa Melayu dan berpendapat bahawa sekolah kebangsaan dapat memberikan pendidikan yang berkesan untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu. Sebanyak 13.16% yang lain pula berfikir bahawa cara pengajaran di sekolah kebangsaan lebih sesuai untuk anak dan tidak begitu mendesak dan membebankan. Kedua-dua sebab ini merupakan pendorong positif dalam pemilihan sekolah bagi anak.



Carta 1:
Sebab Ibu Bapa Memilih Sekolah Kebangsaan (%)


Namun begitu, terdapat juga 3 faktor lain yang turut mendesak ibu bapa menyekolahkan anak di sekolah kebangsaan. Faktor jarak dari rumah nampaknya menjadi pertimbangan utama ibu bapa. Sebanyak 34.51% ibu bapa tidak membeza-bezakan jenis sekolah asalkan sekolah itu dekat dengan rumah agar memudahkan anak ke sekolah. Sebanyak 10.53% yang lain pula terpaksa menghantar anak ke sekolah kebangsaan kerana gagal mendapat tempat di sekolah jenis kebangsaan Cina yang selalu menghadapi masalah permintaan melebihi penawaran, khasnya di kawasan bandar. Terdapat juga

sebilangan kecil ibu bapa (5.26%) yang sedar akan kesulitan pembelajaran Bahasa Mandarin dan memilih supaya mengelakkan anak mereka daripada mempelajari Bahasa Cina (Mandarin) secara wajib. Justeru itu, mereka enggan menghantar anak ke sekolah jenis kebangsaan Cina.

Selain daripada 5 faktor itu, faktor lain yang difikirkan mungkin berkaitan pula tidak menjadi pertimbangan utama bagi ibu bapa Cina dalam hal ini. Mereka tidak menganggap bilangan pelajar yang kecil dalam satu kelas, kemudahan infrastruktur yang lebih sempurna dan bahasa perantaraan di sekolah kebangsaan sebagai syarat wajib dalam pemilihan sekolah bagi anak-anak mereka.

Kedua, Penggunaan Bahasa Melayu di Sekolah. Berbanding dengan pelajar bukan Cina lain di sekolah kebangsaan, pelajar Cina mempunyai bahasa ibunda yang tidak sama. Mereka rata-rata bertutur Bahasa Inggeris atau Bahasa Mandarin, khususnya dialek Cina seperti Kantonis, Hokkian, Hakka, dan sebagainya di rumah. Seperti yang ditunjukkan dalam carta 2 di bawah, tidak ada seorang responden pun yang bercakap Bahasa Melayu di rumah dengan ahli keluarga. Bahasa utama dalam keluarga ialah Bahasa dan Dialek Cina sebagaimana keadaan bagi 93.4% responden. Hampir separuh (48.4%) juga bertutur Bahasa Inggeris.

Sebaliknya di sekolah, pelajar Cina didedahkan kepada alam bahasa yang berlainan. Mereka tidak menggunakan Bahasa Cina langsung dengan guru dan kawan bukan Cina di sekolah. Namun bahasa yang digunakan bukan Bahasa Melayu semata-mata. Selain 53.9% responden yang bertutur Bahasa Melayu dengan guru dan 67% responden pula berbahasa Melayu dengan kawan bukan Cina, sebanyak 57.1% responden juga menggunakan Bahasa Inggeris dengan guru dan 48.3% responden juga berbahasa Inggeris dengan kawan bukan Cina.




Carta 2:
Penggunaan Bahasa oleh Pelajar Cina di Rumah dan di Sekolah (%)

Penggunaan bahasa dari segi jenis bahasa lebih seimbang dalam situasi apabila pelajar Cina bergaul dengan kawan Cina yang lain di sekolah. Sebanyak 29.7% responden biasanya bercakap dalam Bahasa Inggeris dan 26.4% responden menggunakan Bahasa atau Dialek Cina. Kajian juga mendapati bahawa seperatusan yang tinggi, iaitu 44%, daripada responden Cina berbahasa Melayu antara mereka. Corak penggunaan bahasa antara pelajar Cina sedemikian memang tidak begitu biasa ditemui pada situasi perbualan di kalangan orang Cina pada umumnya.

Ketiga, Masalah Penggunaan Bahasa Melayu di Sekolah. Bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang luas dipertuturkan di sekolah kebangsaan. Namun bagi pelajar-pelajar Cina yang berasal dari latar bahasa yang berlainan, khususnya bahasa ibunda dan bahasa harian, masalah penggunaan Bahasa Melayu di sekolah memang dijangkakan dan tidak dapat dielakkan. Masalah ini boleh dilihat dari tiga segi, iaitu: *jenis masalah bahasa, punca masalah pemahaman, dan tahap penguasaan bahasa.*

Mengenai jenis masalah bahasa yang dihadapi oleh pelajar Cina. Sebanyak lima jenis masalah dalam aspek penggunaan bahasa telah dikemukakan oleh responden. Antara itu, masalah pemahaman semasa perbualan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh paling banyak responden (34.1%). Masalah itu timbul akibat maksud pada bahagian kata, rangkai kata, dan juga keseluruhan ayat tidak dapat difahami oleh pelajar Cina kerana belum belajar atau mungkin kerana tidak biasa dengan gaya pertuturan dan dialek penutur Melayu (sila rujuk carta 3 di bawah).




Carta 3:

Jenis Masalah Bahasa Melayu yang Dihadapi oleh Pelajar Cina di Sekolah (%)

Masalah menutur dan menulis juga tidak kurang seriusnya seperti yang diakui oleh 23.1% dan 14.3% responden masing-masing. Masalah menutur yang dimaksudkan ialah sebutan yang tidak tepat dan tidak dapat membentuk wacana dengan ayat lengkap dan perkataan yang sesuai. Masalah menulis


yang dihadapi pula berkaitan dengan aspek mengarang, termasuk penggunaan bahasa yang indah dan penyampaian maksud yang lengkap. Selain itu, sebanyak 11% dan 8% responden menghadapi masalah membaca dan mengeja masing-masing. Kedua-dua golongan ini biasanya responden dari darjah rendah. Terdapat juga 9% responden yang menyatakan masalah mereka dalam pembinaan ayat, penggunaan imbuhan, simpulan bahasa, dan sebagainya. Kelemahan penguasaan dalam aspek bahasa ini turut menjejaskan keyakinan dan ketepatan penggunaan Bahasa Melayu mereka. Kesemua masalah yang didapati wajar diberi perhatian dan disusuli langkah pemulihan agar tidak menghalang minat penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar Cina di mana-mana sahaja.



Carta 4:
Punca Salah Faham Antara Pelajar (%)

Mengenai punca masalah pemahaman. Masalah penguasaan dan penggunaan bahasa oleh pelajar Cina turut diperlihatkan melalui gangguan pemahaman, malah perselisihan faham yang kadang-kadang berlaku antara pelajar-pelajar berbilang bangsa. Dalam kajian, responden telah membuat penilaian diri tentang masalah ini. Seperti yang ditunjukkan dalam carta 4 berikut, sebanyak 41% daripada responden beranggapan bahawa penguasaan bahasa yang kurang baik merupakan kekangan utama kepada pemahaman maksud yang betul dan sepenuhnya. Seperatusan yang sama juga berfikir bahawa kelemahan diri dalam penyampaian maksud mengakibatkan penyampaian mesej gagal dijalankan dengan sempurna dan akhirnya berlaku salah faham. Salah satu faktor kepada kelemahan sedemikian ialah gangguan bahasa ibunda yang mengakibatkan ayat Bahasa Melayu berkecamuk dengan perkataan dan struktur asing. Hakikat ini disedari oleh 11% responden yang berpendapat bahawa perbezaan dalam ciri budaya setiap kaum turut menghalang pemahaman. Sebanyak 11% responden yang lain mengatakan bahawa cara pemikiran yang berlainan akibat budaya yang berbeza juga mengganggu proses pemahaman. Hal ini bertambah buruk sekiranya bahasa yang merupakan jambatan perantaraan tidak dikuasai dengan baik.

Mengenai tahap penguasaan Bahasa Melayu. Sebanyak 85 orang guru Bahasa Melayu, guru darjah, dan guru besar dari ketiga-tiga buah sekolah telah ditemuramah untuk mendalami pandangan mereka terhadap penguasaan dan masalah penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar Cina di bawah tunjuk ajar mereka. Secara umumnya, mereka menganggap bahawa penguasaan Bahasa Melayu oleh pelajar Cina adalah pada tahap sederhana. Seperti yang ditunjukkan dalam carta 5 berikut, sebanyak 67% daripada pihak guru berpendapat begitu. Mereka mendapati bahawa pelajar Cina biasanya berkeupayaan berkomunikasi pada situasi biasa sahaja, tetapi tidak dapat berhujah atau berbincang tentang sesuatu isu secara mendalam, lancar, dan berkeyakinan. Mereka percaya bahawa tidak semua pelajar Cina pada tahap sederhana dapat menguasai pembelajaran di dalam kelas secara penuh. Sebanyak 10.6% guru pula menganggap bahawa kebanyakan pelajar Cina agak lemah berbahasa Melayu, terutamanya dalam penguasaan perbendaharaan kata sehinggakan keupayaan pemahaman turut terjejas. Namun begitu, terdapat juga 22.4% guru yang yakin akan kebolehan pelajar dan berfikir bahawa pelajar Cina tidak menghadapi banyak masalah untuk memahami kandungan pengajaran. Perbezaan penilaian dalam pandangan guru mungkin disebabkan oleh pelajar yang diajar oleh mereka tidak sama dari segi pencapaian akademik dan sikap pembelajaran.




Carta 5:
Tahap Penguasaan Bahasa Melayu (%)

Keempat, Pembelajaran dan Penggunaan Bahasa Melayu di Luar Sekolah. Walaupun sekolah berfungsi sebagai institusi pengajaran dan latihan dalam pembelajaran Bahasa Melayu, tetapi latar sosial di luar juga tidak kurang pentingnya dalam membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu seseorang. Pembelajaran formal tentang tata-bahasa di dalam kelas dapat dikukuhkan sekiranya dilengkapi oleh pembelajaran tidak formal dengan banyak berlatih bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa itu. Pendedahan kepada Bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari boleh dilakukan dalam banyak aspek. Dalam kajian ini, hanya tiga aspek sempat diselidiki, iaitu: *pertama*, pendedahan kepada bahan bacaan umum seperti majalah dan

surat khabar, asalkan bukan buku teks atau buku rujukan ilmiah; *kedua*, pendedahan kepada media pandang dengar seperti radio dan televisyen; dan *ketiga*, pendedahan kepada penggunaan Bahasa Melayu oleh orang di sekitar seperti semasa membeli barang, bermain dengan jiran kaum Melayu, dan sebagainya.

Dari carta 6 berikut adalah jelas bahawa pendedahan kepada media pandang dengar dan bahan bacaan paling kerap diperoleh pelajar Cina. Sebanyak 92.3% pelajar Cina menonton rancangan televisyen dalam Bahasa Melayu, termasuk rancangan sukaneka, pertandingan bola, tayangan gambar, dan sebagainya. Sebanyak 88% pelajar juga membaca majalah, buku cerita, dan komiks dalam Bahasa Melayu. Yang kurang sekali ialah penggunaan Bahasa Melayu dalam aktiviti sosial sehari-hari. Hanya 55% pelajar yang menggunakan Bahasa Melayu di luar sekolah. Soalnya, pelajar Cina kembali ke komuniti bahasa ibunda selepas meninggalkan sekolah dan jarang berinteraksi dengan komuniti bahasa lain, kecuali keluar dari rumah untuk membeli nasi lemak atau kuih-muih daripada penjual Melayu.




Carta 6:
Pembelajaran dan Penggunaan BM oleh Pelajar Cina di Luar Sekolah (%)

Boleh dirumuskan bahawa penggunaan Bahasa Melayu oleh pelajar Cina di luar sekolah amat terhad. Latihan praktikal dalam kehidupan sehari-hari adalah penting untuk mengasah kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu. Walaupun pendedahan kepada bahan bacaan dan televisyen agak banyak, tetapi pembelajaran secara pasif sedemikian lebih banyak membantu dalam pemahaman budaya dan tidak banyak membantu dalam peningkatan kemahiran aplikasi sebenar.

Kelima, Usaha Pemulihan. Atas kesedaran akan kekurangan diri dalam penguasaan Bahasa Melayu, rata-rata semua responden dalam kajian ini mengambil inisiatif tertentu untuk meningkatkan tahap kemahiran bahasa. Pada umumnya, terdapat empat langkah pemulihan yang diambil, iaitu: (1)

mendapat bimbingan tuisyen selepas sekolah, (2) banyak membaca, (3) bergaul dengan kawan Melayu, dan (4) banyak menanya guru jika tidak faham. Antara itu, bimbingan tuisyen menjadi pilihan paling banyak responden.



Carta 7:
Usaha Pemulihan oleh Pelajar Cina (%)

Seperti yang ditunjukkan dalam carta 7, sebanyak 41.8% responden memilih untuk mendapatkan bimbingan tambahan daripada guru tuisyen. Cara ini merupakan penyelesaian utama yang biasa diambil oleh ibu bapa Cina sekiranya mendapati anak lemah dalam pelajaran. Pelajar Cina juga percaya bahawa latihan tambahan dapat membantu mereka menguasai topik pelajaran di sekolah dan bimbingan kali kedua membolehkan mereka memahami kandungan topik dengan lebih baik.

Banyak membaca merupakan cara penyelesaian yang dipilih oleh 22% responden. Seperti yang digalakkan oleh guru di sekolah, pelajar membaca buku cerita secara amnya dengan harapan agar penguasaan perbendaharaan kata dan daya pemahaman dapat meningkat. Selain itu, sebanyak 20.9% responden juga mendapatkan bantuan guru. Mereka akan bertanya pada guru sekiranya tidak faham. Sebanyak 17.6% juga mengatakan bahawa mereka berharap dapat membaiki daya penguasaan Bahasa Melayu dengan banyak bergaul dengan kawan bangsa Melayu. Kedua-dua peratusan ini tidak tinggi kerana ramai yang tidak pandai bertutur Bahasa Melayu memang tidak berani mendekati kawan atau guru berbangsa Melayu.

Kesemua cara pemulihan ini memang membantu untuk meningkatkan tahap kemahiran bahasa seseorang. Tambahan pula, cara sedemikian juga membolehkan pelajar mendapat pendedahan penting kepada alam bahasa dan budaya Melayu sebenar yang agak kekurangan bagi mereka yang jarang bertutur Bahasa Melayu selepas sekolah.

KESIMPULAN

Masalah penggunaan Bahasa Melayu memang tidak dapat dielakkan sepenuhnya memandangkan pelajar Cina yang tidak menutur Bahasa Melayu sebelum memasuki sekolah kebangsaan tidak sempat melepaskan diri dari kongkongan bahasa ibunda. Masalah pemahaman dan pertuturan yang dihadapi adalah bukti bahawa mereka belum dapat membiasakan diri dengan bahasa baharu. Pelajar-pelajar Cina di sekolah kebangsaan mengalami proses pembelajaran bahasa kedua dan peralihan penggunaan bahasa harian dari bahasa ibunda. Kedua-dua proses ini bukanlah mudah kepada mereka kerana mereka masih berada pada peringkat awal pembelajaran dan belum dapat menguasai kemahiran Bahasa Melayu sepenuhnya. Berbeza daripada pelajar Melayu yang menutur Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, pelajar Cina mempelajari Bahasa Melayu sementara penggunaan bahasa ibunda masih berterusan di rumah dan selepas sekolah. Pengaruh ibu bapa pula masih kuat kepada mereka yang berada dalam lingkungan umur kanak-kanak. Perbezaan dalam cara pembelajaran, skop penggunaan Bahasa Melayu, dan pengaruh budaya yang diterima menyebabkan pelajar Cina terpaksa mengharungi cabaran tambahan dalam penguasaan Bahasa Melayu.

Oleh hal yang demikian, pelajar Cina memerlukan usaha berganda untuk menguasai Bahasa Melayu. Usaha yang ditunjukkan oleh responden dalam kajian menandakan bahawa mereka bersikap positif untuk mengatasi masalah bahasa. Hasil usaha mereka akan berlipat ganda sekiranya mendapat sokongan dan penerimaan komuniti di sekolah, khasnya pihak guru dan rakan-rakan sedarjah. Penyekolahan pelajar Cina di sekolah kebangsaan memberikan peluang kepada kanak-kanak pelbagai kaum untuk bergaul dan mendapat pendedahan sebenar kepada budaya dan bahasa kaum lain dari usia kecil. Bak kata "hendak melentur aur biarlah dari rebungunya", pembelajaran bersama sebegini merupakan langkah penting untuk memupuk integrasi bangsa dan membina budaya bersama. Untuk menggalakkan usaha ini disambut secara positif oleh lebih banyak orang, masalah bahasa yang dihadapi oleh pelajar sebagai pelajar bahasa kedua hendaklah ditangani dan dikurangkan.

Bibliografi

- Akhbar *Sin Chew Jit Poh*. Kuala Lumpur, Malaysia: 26 Jun 2005.
- Gaudart, Hyacinth M. (1985). "A Descriptive Study of Bilingual Education in Malaysia". *Unpublished Ph.D. Dissertation*. Hawaii, USA: University of Hawaii.
- Gu, Hong Ting. (2003). *Education and Identity: A Study on the Secondary Chinese Education in Malaysia (1945-2000)*. Xiamen: Xiamen University Press.
- <http://akademik.ukm.my> [dilayari di Serdang, Malaysia: 11 November 2008].

- Liao, Xiao Jian. (1993). "The Changes and Development of the Chinese Education in Malaysia after the Second World War" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.3, ms.51-54.
- Mok, Shun Sheng. (2000). *The History of Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysia Chinese Teachers Association.
- Shi, Chuan Xian. (2002). "The Language, Education Policy, and the Social Structure of the Chinese Ethnic in Singapore and Malaysia" dalam *Nanyang Ziliao Yicong*, Vol.146, ms.97-108.
- Solomon, J.S. (1988). *The Development of Bilingual Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Tan, Liok Ee. (1997). *The Politics of Chinese Education in Malaysia, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zhou, Yu E. (2000). "The Preservation and Development of the Chinese Education in Malaysia" dalam *Journal of Southeast Asia*, Vol.2, ms.55-59.